



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

HARIAN METRO 13/10/2016 P. 35


Wahyu Maha Esa pelengkap akal insan

Islam adalah agama dengan asas kepercayaan berdasarkan bukti nyata. Islam menggalakkan umatnya serta orang ramai untuk menggunakan kecerdasan akal diberikan oleh Allah SWT untuk merenung dan memikirkan kehidupan serta keajaiban penciptaan alam semesta.

Walaupun hidup ini adalah ujian, Allah menyediakan tanda dan petunjuk yang mencukupi bagi orang yang berfikiran terbuka dan ikhlas untuk mengakui kebenaran Islam.

Firman-Nya bermaksud: "Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya) dan padanya ada kebun-kebun anggur dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun, semuanya disiram dengan air yang sama."

"Dan Kami lebihkan buah setengahnya daripada setengahnya yang lain



MANUSIA diberi akal fikiran untuk memikirkan keunikan fenomena alam sebagai tanda kebesaran Yang Maha Esa.

(pada bentuk, rasa dan baunya). Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya." (Surah ar-Ra'd, ayat 4)

Dalam al-Quran, ada beberapa ayat yang mencela orang tidak menggunakan akal untuk berfikir dan membuat

keputusan.

Hal ini menunjukkan betapa pentingnya akal dalam Islam. Hanya orang berakal mampu untuk berfikir, merenung, menelaah serta menganalisis antara kebenaran dan kebatilan.

Oleh sebab itu, Islam tidak membebankan orang tidak berakal seperti kanak-kanak dan orang gila dengan syariat seperti

solat, puasa, zakat dan haji.

Akal yang sihat mesti disokong dengan naql (wahyu). Akal yang sihat tidak pernah bergaduh dengan nas sahih.

Oleh itu, di sinilah pentingnya al-Quran dan hadis yang sahih dalam kehidupan seorang Muslim. Tanpa akal, al-Quran menjadi hidayah yang tidak akan difahami.

Ada bukti yang jelas

bahawa al-Quran itu adalah datang daripada Allah. Bukti paling utama ialah tiada sebarang percanggahan antara setiap ayat dalam al-Quran walaupun ia mengambil waktu yang lama untuk dilengkapkan.

Tambahan pula, Allah memberi jaminan bahawa al-Quran dipelihara setiap patah perkataannya tanpa ada sedikit pun

pengurangan atau penambahan bermula dari penurunannya sehingga sekarang.

Firman-Nya bermaksud: "Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya." (Surah al-Hijr, ayat 9)

Kandungan mesej dalam al-Quran adalah mudah, tulen serta sejagat yang mampu memberi kesan mendalam kepada setiap orang berhati ikhlas mencari kebenaran.

Perbincangan dalam al-Quran bukan saja berkisar mengenai kehidupan akhirat, bahkan padanya banyak juga fakta saintifik.

Dari sudut bahasa pula, al-Quran terbukti diturunkan dalam bahasa Arab yang asal tanpa diputar belit, berubah atau hilang sebagaimana yang berlaku ke atas kitab lain.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM